



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
12 DISEMBER 2017 (SELASA)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|--|----|
| - MPAJ ke arah inovasi digital | 20 |
| - Pertanian Bandar jana pendapatan sampingan | 20 |

Harian Metro

- | | |
|-------------------------|----|
| - MPAJ nafi tuduhan JMM | 75 |
|-------------------------|----|

Utusan Malaysia

- | | |
|--|----|
| - MPAJ diberi tempoh 14 hari beri penjelasan | 27 |
| - TALIAN KHIDMAT | 26 |

Berita Harian

- | | |
|--|-------|
| - Pendatang jajah Kampung Pandan Dalam | 12-13 |
|--|-------|

Chinapress

- | | |
|--|----|
| - Tempat perlindungan bas yang telah runtuh telah siap dinaiktaraf | C3 |
|--|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
12 DISEMBER 2017 (SELASA)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	MPAJ ke arah inovasi digital
Muka Surat	20

MPAJ ke arah inovasi digital

PANDAN INDAH - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) kini bergerak selari dengan Bajet Selangor 2018 melalui empat sistem mega ICT yang menepati Mobile-ICT (M-ICT) dan Internet of Things.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, salah satu sistem mega berkoncepkan M-ICT dan Internet of Things adalah sistem interaktif atau lebih dikenali sebagai MISYS.

"MISYS adalah merupakan aplikasi pertama yang mengintegrasikan antara pangkalan data GIS dengan pangkalan data hasil. Ini bermakna bahawa dengan hanya satu klik pada lot parcel lapisan GIS akan mampu me-

maparkan semua butiran hasil pemilik lot parcel berkenaan," katanya.

Beliau berkata, Sistem yang telah dipatenkan ini turut dilengkapi dengan 12 aplikasi mobil yang membenarkan kakitangan MPAJ melaksanakan semakan maklumat, cetakan dan kutipan secara maya di tapak melalui konsep M-ICT.

"Proses pemantauan turut diper mudahkan dengan capaian dan pengemas kinian data secara langsung. MISYS telah mewujudkan senario pejabat maya bagi MPAJ agar ia dapat memberi perkhidmatan yang lebih cemerlang kepada penduduk dan pelanggannya," katanya.

Menurutnya, aplikasi ber-

teraskan Internet of Things ini memberi penyelesaian holistik yang mana data di kemas kini secara serentak pada tiga pangkalan data yang berbeza.

"Ia turut menyokong proses keputusan di peringkat pengurusan atasan dalam memantau pengurusan kewangan MPAJ," katanya pada majlis Apresiasi Inovasi 2017, baru-baru ini.

Abd Hamid berkata, selain MISYS, MPAJ turut disokong oleh tiga sistem mega utama iaitu laman web MPAJ yang merupakan antara rauka utama MPAJ bersama pelanggan.

"Selain itu sistem internet MPAJ atau lebih dikenali sebagai MIST yang mempunyai pelbagai sistem kegunaan dalam MPAJ dan sistem komuniti pintar MPAJ atau dikenali sebagai ICOMM yang merupakan gerbang pembayaran MPAJ," katanya.

Beliau berkata, pihaknya yakin MPAJ mampu menyahut dan merealisasikan Bajet Selangor 2018.

"Usaha MPAJ dalam meningkatkan mobiliti dan penyambungan ini mampu membantu negeri ini menerajui transformasi digital untuk membina sebuah negeri yang pintar ada pantas," katanya.

Abd Hamid merasmikan majlis Apresiasi Inovasi 2017.





MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
12 DISEMBER 2017 (SELASA)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Pertanian Bandar jana pendapatan sampingan
Muka Surat	20

SELASA 12 DISEMBER 2017 • SINAR HARIAN

HUBUNGI SKUAD AMPANG / HULU LANGAT: ISMAIL ISMAIL- 019 3371003.



Ismail (berdiri, enam kanan) bersama ahli komuniti di sekitar Ampang.

Pertanian bandar jana pendapatan sampingan

AMPANG - Program Pertanian Bandar adalah salah satu inisiatif kerajaan bagi menggalakkan amalan pertanian di kawasan perumahan bandar sekali gus mendatangkan pendapatan sampingan kepada rakyat.

Penyelaras Parlimen Ampang, Datuk Ismail Kijo berkata, secara tidak langsung program ini dapat membantu isi rumah bandar meringankan kos sara hidup melalui pengeluaran tanaman sendiri.

"Idea projek itu adalah daripada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Ahmad Shabery Cheek. Program ini masih baharu dilaksanakan di kawasan, kita mahu menarik masyarakat di bandar terlibat dalam aktiviti pertanian bandar," katanya.

Menurutnya, sebahagian masyarakat yang tinggal di Bandar ini berasal dari kampung, mereka juga merindui untuk melakukan aktiviti pertanian.

"Sambutan masyarakat terhadap pro-

gram ini amat menggalakkan, hampir 1,000 penduduk di Ampang kini telah bergiat aktif dalam program ini," katanya.

Katanya, program ini juga menyokong usaha Kerajaan dalam menjamin kualiti dan sekuriti makanan negara.

"Pendekatan secara komuniti juga kita dapat faedah yang baik, ini merupakan salah satu cara kita menyalurkan sumbangan kerajaan kepada masyarakat," katanya kepada Sinar Harian selepas hadir dalam majlis perasmian Projek Pertanian Bandar peringkat Dun Bukit Antarabangsa di Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Ahmad Razali di sini, kelmarin.

Beliau program ini juga telah dilaksanakan di beberapa sekolah di seluruh Selangor.

"Ia adalah projek jangka panjang, Jabatan Pertanian dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) turut memberi nasihat kepada pihak sekolah dalam usaha melaksanakan projek itu," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
12 DISEMBER 2017 (SELASA)

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	MPAJ nafi tuduhan JMM
Muka Surat	75



PEMBINAAN projek di tapak pasar di Taman Muda.

Ampang

HM 12/12/17 NYS 75

MPAJ nafi tuduhan JMM

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menafikan tuduhan Jaringan Melayu Malaysia (JMM) berhubung salah guna kuasa ke atas projek pembangunan pusat hiburan keluarga di atas tapak yang diwartakan sebagai tapak pasar di Taman Muda, Ampang di sini.

Yang Dipertua, Abdul Hamid Hussain berkata, projek pembangunan di atas tapak berkenaan adalah mengikut undang-undang dan tidak ada salah guna kuasa di dalam perkara itu.

“Tanah di atas tapak projek pembangunan ini adalah milik syarikat persendirian yang mana MPAJ luluskan mengikut peraturan dan undang-undang sedia ada,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Beliau berkata, MPAJ meluluskan projek berkenaan yang bukan saja untuk dijadikan pusat hiburan, malah terdapat juga aktiviti lain seperti kedai jualan barang sukan, pusat mainan kanak-kanak dan sebagainya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
12 DISEMBER 2017 (SELASA)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	MPAJ diberi tempoh 14 hari beri penjelasan
Muka Surat	27

um 12/12/17 145 2f

MPAJ diberi tempoh 14 hari beri penjelasan

AMPANG JAYA 11 Dis. - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) diberi tempoh 14 hari bagi memberi penjelasan mengenai beberapa isu yang melibatkan cadangan membina pusat konvensyen MPAJ di Taman Melawati.

Pengerusi Pertubuhan Gerakan Penegak Suara Selangor (Gapenas), Nasiruddin Mohamed berkata, susulan akan dilakukan sekiranya mereka gagal memberi sebarang respon dalam tempoh tersebut.

"Kami mengemukakan enam soalan iaitu mengenai kelulusan tender haram melibatkan sebuah kawasan padang yang masih hijau kepada Pusat Konvensyen MPAJ di Taman Melawati, kedua nombor lot tanah pembangunan Pusat konvensyen yang bercanggah

dengan isu tender haram, ketiga ialah dua kali pembayaran kepada perunding melibatkan pembaziran jutaan ringgit wang rakyat.

"Soalan keempat yang perlu dijelaskan ialah kenapa janji asal kepada penduduk Taman Melawati mengenai pembinaan taman rekreasi awam ditukar kepada pusat konvensyen yang kini tidak dikehendaki rakyat perumahan itu," katanya kepada pemberita di lobi MPAJ di sini.

Tambah beliau, pihaknya juga mendapat tahu bahawa pegawai MPAJ terlibat rasuah yang mana seorang pekerja binaan telah mengakui pegawai MPAJ menerima wang rasuah dari kontraktor dan ini mendapat tahu semasa lawatan Pengerusi Taman Melawati Razman Abdullah bersama

Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM).

"MPAJ juga mempunyai tanggungjawab menjelaskan peranan MPAJ meluluskan projek yang dikhawatir akan mengakibatkan kebanjiran warga China dengan milikan tanah berstatus kekal.

"Saya berharap Yang Dipertua MPAJ, Abd. Hamid tidak bersikap lepas tangan sebaliknya meneliti isu ini secara serius untuk memastikan integriti MPAJ tidak tercaltar selain meyakinkan rakyat yang mahukan perkhidmatan penguatkuasaan yang terbaik," katanya.

Justeru katanya, beliau juga berhasrat untuk bertemu dengan Abd. Hamid secara bersemuka bagi memastikan isu-isu yang dibangkitkan dapat diselesaikan.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
12 DISEMBER 2017 (SELASA)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	TALIAN KHIDMAT
Muka Surat	26

TALIAN KHIDMAT

SENARAI BALAI POLIS

Petaling Jaya
03-79662222
Bukit Aman
03-22662222
Damansara Utama
03-77222222
Dang Wangi
03-20702222
Shah Alam
03-55202222
Cheras
03-92842222
Sungai Buloh
03-61561222

LEMBAH KLANG

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
03-40244424
Majlis Bandaraya Shah Alam
03-55105133
Majlis Bandaraya Petaling Jaya
03-79563544
Majlis Perbandaran Subang Jaya
03-80263102
Majlis Perbandaran Kajang
03-87370112
Majlis Perbandaran Selayang
03-61265800
Majlis Perbandaran Klang
03-33755555
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
03-42968000
Majlis Perbandaran Sepang
03-83190200
Majlis Daerah Kuala Selangor
03-32891439

Majlis Daerah Sabak Bernam
03-32241655
Majlis Daerah Hulu Selangor
03-60641331
Majlis Daerah Kuala Langat
03-31872825



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
12 DISEMBER 2017 (SELASA)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Pendatang jajah Kampung Pandan Dalam
Muka Surat	12-13

MS.12 Selasa, 12 Disember 2017 BH

→ ISU

Sampah-sarap dibiarakan berhampiran rumah.

Kedua-dua rumah terbiasa di Kampung Pandan Dalam.

Antara rumah yang disewa warga asing.

BH PLUS di www.bhariani.com.my untuk lebih gambar dan video

Pakaian yang dijemur di hadapan rumah, yang disewa warga asing.

Pendatang jajah Kampung Pandan Dalam

• Penduduk tempatan bimbang tindakan warga asing ubah suai rumah sewa, buka kedai keras

Oleh Osman Lisut, Safeek Affandy Razali dan Nur Afiradina Arshad
bhnews@bh.com.my
Kuala Lumpur

Kebanjiran kira-kira 3,000 warga asing, terutama Indonesia yang mendiami sekitar Kampung Pandan Dalam, di sini, meresahkan penduduk tempatan, lebih-lebih lagi dengan budaya luar yang dibawa mereka.

Kebanyakan warga asing berkecuaan menduduki blok J, K dan L, mazakala sebahagian lagi Blok B serta C itu, sejak 15 tahun lalu dikatakan bebas melakukan apa sahaja tanpa dihalang pihak berkuasa.

Setiausaha Jawatankuasa Penduduk JKJL Kampung Pandan Dalam, Zaharin Aris, berkata ada sahaja kelebihan warga asing mendiami Lorong Cantik 1, 2, 3, 4 dan 5; Lorong Luas 1, 2, 3, 4 dan 5; Lorong Bahagia 1, 2, 3, 4 dan 5; Lorong Laman 1, 2, 3, 4 dan 5 serta Lorong Raya 1 hingga 9.

"Keadaan mereka agak ramai iaitu hampir 45 peratus berbanding penduduk Kampung Pandan Dalam yang berjumlah 6,220 orang. Semua, garis-garis kelelahan pihak berkuasa tidak merantau kehadiran mereka di situ."

"Malah, mereka dikatakan cuba memonopoli kebanyakan rumah kediannya yang dulunya milik orang Melayu dengan menyewa daripada pemiliknya."

"Rumah satu tingkat yang biasanya mengandungi tiga bilik dibaharui suai menjadi lapan hingga 10 bilik. Ia ternyata melanggar syarat. Apakah pengubahsuaian rumah berkenaan mendapat kelulusan ejalay mendudu (CE) daripada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)?

"Bayangkan jika berlaku kebakaran, pasti sukar hendak menyelamatkan diri dan harta benda, seperti permaisuri berlaku di Lorong Cantik 2, awal tahun ini," katanya kepada BH.

Sina buik tambahan

Zaharin berkata, amat mudah untuk mengenali rumah yang diidamai warga asing ini iaitu dengan melihat pakaian dijemur di luar rumah dan terdapatnya kedai di premis berkenaan.

"Membiak buik tambahan satu hal, inikan pula tukar status ke-

diaman menjadi perniagaan (bina kedai). Persoalannya di mana MPAJ, mengapa tidak mengambil tindakan kerana sewenang-wenangnya menukar status berkenaan."

"Misalnya, di Lorong Cantik 2 terdapat dua kedai makam dibina di tepi kediannya termasuk satu darpadanya menjual minuman keras. Persoalannya, adakah mereka mempunyai lesen untuk menjualnya?" katanya.

Beliau berkata, malah sebuah rumah di tepi lorong di Lorong Luas 5, selain didiami, turut dijadikan gerai menjual barang-barang dan tempat menyewa ia buah.


"Bersebelahan terdapat sebuah rumah kosong di Lorong Cantik 5 dijadikan tempat melakukan aktiviti kurang sihat termasuk menghisap dadah."



Fakta nombor

3,000
PENDUDUK

Warga asing
di Kampung
Pandan Dalam



Longgokan sampah berbau busuk merimaskan penduduk.

"Warga asing ini turut membuka kedai makanan dan menjual sayur-sayuran di Jalan Pandan Kemajuan serta kedai barang terpakai, gerai buah-buahan dan jamu di Jalan Lama Pandan, seolah-olah pihak majlis 'tutup mata'."

"Diperdayai mereka tidak memiliki lesen perniagaan dan tidak mendapat suntikan imunisasi sebagaimana penyedia makanan serta minuman," katanya.

Sepertikara lagi, katanya, semua mengetahui kawasan perbandaran tidak dibenar membeli halwan (ayam), kecuali anjing dipelihara di dalam premis dan berlesen.

Ternak ayam laga

"Budaya yang dibawa daripada negara asal dengan menternak ayam laga termasuk ayam laga menimbulkan rasa kurang senang penduduk kerana bau busuk najis haiwan berkeraan."




Budaya yang dibawa daripada negara asal dengan menternak ayam laga termasuk ayam laga menimbulkan rasa kurang senang penduduk kerana bau busuk najis haiwan berkeraan"

Zaharin Aris,
Setiausaha Jawatankuasa
Penduduk JKLN Kampung
Pandan Dalam

6,220
PENDUDUK

Warga tempatan
di Kampung
Pandan Dalam

LOKASI PENEMPATAN WARGA ASING DI KAMPUNG PANDAN



GRAFIK BH



Keadaan rumah terbiasa di Lorong Cantek 5 menyakiti mata memandang.

Semak semula pemberian sijil kelahiran

Kuala Lumpur: Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) diminta menyemak semula pemberian sijil kelahiran berstatus taraf kerakyatan kepada anak warga asing di negara ini, berikutan implikasinya yang terlalu besar ke atas masyarakat.

Pemlikan sijil kelahiran berkenaan melayakkannya mereka memohon kad pengenalan MyKad, sekali gus memperoleh apa juga kelebihan sebagai warga negara.

Seorang penduduk, Hadzirul Khamis, mendakwa terdapat anak pasangan warga asing memiliki sijil kelahiran dan MyKad walaupun kedua-dua ibu bapa mereka adalah pemegang kad pengenalan merah atau berstatus Penduduk Tetap (PR).

Apakah jasa warga asing

"Persoalanannya, bagaimana warga asing ini boleh memiliki status PR atau kad pengenalan warna merah. Apakah jasa warga asing ini begitu mudah memperoleh PR walaupun mereka hanya bekerja sebagai kontraktor binaan atau bermiga kecil-kecilan seperti di negara mereka."

"Apakah JPN sudah menukar syarat pemberian PR atau sijil kelahiran kepada anak warga asing di negara ini. Saya difahamkan jika lebaki tempatan berkahwin dengan perempuan warga asing dan perkahwinan tidak didaftarkan di negara ini, anak mereka sukar mendapatkan sijil kelahiran," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
12 DISEMBER 2017 (SELASA)

Akhbar	Chinapress
Tajuk Berita	Tempat perlindungan bas yang telah runtuh telah siap dinaiktaraf
Muka Surat	C3

地點：英丹廉價組屋

報導：劉淑美 摄影：覃福榮

（吉隆坡11日訊）苦等半年，坍塌的巴士候車亭終完成提升和加蓋工程，居民无需再日曬雨淋苦等巴士。

据《中国报》了解，安邦武吉柏迈花园（Bukit Permai）前的英丹廉价组屋（Pasarpulau Intan）前的巴士候车亭的顶盖，于今年三月被一輛巴士撞倒及而摇摇欲坠，后因刮大风导致石柱断裂，全面坍塌。

过去半年，许多公众必须在日晒雨淋下等待巴士，一些学生更冒险钻入阶梯下等待巴士。

安邦再也市议会接到投诉后，日前维修该候车亭，让居民们有一个安全的候车亭使用。

英丹廉价组屋居民协会主席哈吉古沙亚指出，该巴士候车亭每逢高峰时段，都会有许多居民等待巴士，连UBER或CRAB司机都是在该处接送乘客。

1週就完成

他指出，根据居民目睹，巴士候车亭顶盖是被一辆巴士撞倒，一场狂风暴雨就整个候车亭坍塌。

他说，巴士候车亭主要是该组屋居民使用，该组屋有5座和600个单位，许多学生都乘搭巴士上课。

“我于9月16日向莲花苑区州议员张菲倩投诉，安邦再也市议会接获投诉后前来维修和加盖。

他感谢张菲倩和安邦再也市议会理解和支持我的手法，恢复巴士候车亭的原貌。

此外，张菲倩指出，她于9月16日前往当地了解情况后，向安邦再也市议会反映，市议会耗资1周就完成提升和加盖的工程。

■等待了半年，坍塌的巴士候车亭终获提升，令当地居民深感满意，前排右4为张菲倩。后排右起为哈吉沙亚及艾玛。

巴士候車亭加蓋完成

居民無需再日曬雨淋

op 14/12/17
C3

學生躲階梯處

■居民艾玛（43岁）

我时常搭巴士上班和前往学校，因巴士候车亭坍塌许久，一些乘客就戴帽子。之前有些学生选择躲在阶梯处，但旁边是大水沟，非常危险。随著候车亭已提升和维修后，我们不必再日晒雨淋。

下。为了避雨，一些学生被迫冒险地躲在阶梯处。